



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

ATLET NEGARA ANTARA PENERIMA DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN 2020

Sukacita dimaklumkan bahawa **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah** telah berkenan untuk mengurniakan **Darjah Kebesaran Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan (DKBPWP)** kepada **188 penerima** sempena **Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020** yang berlangsung di Istana Melawati, Putrajaya pada 1 Februari 2020.

Pada tahun ini, tiga (3) orang individu dianugerahkan **Seri Mahkota Wilayah (SMW)** yang membawa gelaran **Datuk Seri**, 25 individu dianugerahkan **Panglima Mahkota Wilayah (PMW)** yang membawa gelaran **Datuk**. Selebihnya, 39 individu dianugerahkan **Johan Mahkota Wilayah (JMW)**, 27 individu menerima anugerah **Kesatria Mahkota Wilayah (KMW)**, 36 individu menerima anugerah **Ahli Mahkota Wilayah (AMW)** dan 58 individu menerima **Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (PPW)**.

YBhg. **Datuk Seri Mohd Zawawi Bin Salleh**, Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia mendahului senarai penerima yang dikurniakan **Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (SMW)** membawa gelaran **Datuk Seri**. Beliau sebelum ini pernah dilantik sebagai **Pesuruhjaya Kehakiman** di Mahkamah Tinggi Johor Bharu, Hakim Mahkamah Tinggi di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan sebagai **Hakim Mahkamah Rayuan** di Putrajaya. Bermula 27 April 2018 beliau dilantik sebagai **Hakim Mahkamah Persekutuan** sehingga kini.

Penerima kedua yang akan dikurniakan Darjah Kebesaran Seri Mahkota Wilayah (**SMW**) membawa gelaran Datuk Seri adalah YBhg. Datuk Seri Hasnol Zam Zam Bin Ahmad, Gred Utama A yang memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan di Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Jabatan Perdana Menteri manakala penerima ketiga adalah YBhg. Datuk Seri Dr. Mazlan Bin Yusoff, Gred Utama Turus III yang memegang jawatan sebagai Ketua Pengarah di Unit Permodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri.

Antara 25 orang penerima Panglima Mahkota Wilayah (**PMW**) yang membawa gelaran Datuk adalah YBhg. Datuk Nor Salwani binti Muhammad, Pengarah Sektor Audit Tadbir Urus, Jabatan Audit Negara dan Presiden Seniman Paksi Rakyat, YBhg. Datuk Che Samsudin bin Othman atas sumbangan beliau yang masih aktif menulis, mengarah teater dan memperjuangkan Tekad dan Budaya.

Dua (2) orang atlet negara yang mengharumkan nama negara di peringkat Asia turut diberi pengiktirafan dengan dikurniakan Kesatria Mahkota Wilayah (KMW) iaitu Encik Mohd Syarul Azman Mahen bin Abdullah, Atlet Bina Badan Negara serta Encik Prem Kumar A/L Selvam, Atlet Karate Negara. Encik Mohd Syarul Azman Mahen menyumbangkan 6 pingat Emas Bina Badan manakala Encik Prem Kumar menyumbangkan pingat gangsa di peringkat kejohanan Asia.

Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan ini merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan kepada mereka yang banyak menabur jasa, memberi sumbangan dan khidmat cemerlang kepada Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan mengucapkan jutaan terima kasih di atas segala jasa dan bakti orang ramai yang menyumbang ke arah pembangunan Wilayah Persekutuan.

DATUK HAJAH ROSIDA BINTI JAAFAR

Ketua Setiausaha

Kementerian Wilayah Persekutuan

1 Februari 2020